

'Tidak hormati si mati'

1,000 penduduk Taman Kosas bantah pembinaan dua kondominium berhampiran tanah perkuburan

>>Oleh Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor
mohdhelmi@hmetro.com.my

AMPANG: "Projek pembinaan dua kondominium berhampiran kubur ini bukan saja tidak menghormati si mati, tetapi ia juga menyebabkan wujud pelbagai kesan sampingan seperti bencana alam," kata Ahli Jawatankuasa Bertindak Khairat Kematian Taman Kosas, Jalaludin Sulaiman.

Kekecewaan itu diluahkan Jalaludin mewakili lebih 1,000 penduduk Taman Kosas, di sini yang membantah pelaksanaan projek pembinaan dua kondominium 18 tingkat di situ yang dibina hanya satu meter dari tanah perkuburan.

Projek diusahakan sebuah syarikat sejak bulan lalu itu ternyata menimbulkan kemarahan penduduk memaksa mereka mengadakan demonstrasi membantah projek terbabit di Masjid Taman



BANTAH...penduduk Taman Kosas mengadakan demonstrasi, semalam.

Kosas, semalam.

Menurut Jalaludin, sekiranya projek itu siap dibina, ia dikhuatiri mengundang banyak masalah termasuk ban-

jir yang kerap berlaku akan bertambah buruk.

"Kebiasaan ketika hujan, tapak pembinaan akan menjadi kawasan takungan air

namun sejurus projek itu disiapkan, ia menyebabkan air bertakung beralih ke kawasan perumahan," katanya.

Kesal tiada wakil daripada

syarikat itu hadir menemui penduduk, beliau mengajukan masalah itu kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah serta kerajaan negeri pada 17 Oktober lalu bagi menyatakan bantahan berkenaan.

"Penduduk trauma dengan banjir yang berlaku di Lembah Jaya Utara sebelum ini. Percayalah, sekiranya projek ini berjaya disiapkan, banjir lebih buruk akan melanda kawasan ini berikutan kesukaran air mengalir ke sungai," katanya.

Menurutnya, perkara mengecewakan penduduk adalah pembinaan projek berhampiran tanah perkuburan menimbulkan kemarahan keluarga arwah dan disifatkan tidak menghormati individu yang sudah meninggal.

"Tanah perkuburan ini bertapak sejak 1974 dan lebih 1,000 jenazah sudah dikhumikan. Pembinaan kondominium yang turut dibuat di atas rizab sungai ini akan memberi pelbagai kesan jangka panjang," katanya.

FOTO | Mokhsin Abidin